

BAB II

TINJAUAN KAJIAN-KAJIAN LALU

2.0 Pengenalan

Sebagaimana kita maklum Holland (1985) menyarankan yang individu dan persekitaran pekerjaan boleh diklasifikasikan kepada salah satu daripada enam jenis kategori: Realistik , Intelektual, Artistik , Sosial , Enterprising dan Konvensional . Sehingga kini banyak kajian yang menggunakan alat Self Directed Search (SDS) dan Vocational Preference Inventory (VPI) bagi menentukan sejauh mana alat-alat sedemikian dapat memaparkan minat kerjaya pelajar dan bagaimana pelajar boleh diklasifikasikan kepada enam jenis minat kerjaya mengikut teori yang disarankan oleh Holland. Berikut akan dibincangkan kajian -kajian lepas yang menggunakan alat SDS Holland di Amerika Syarikat dan negara-negara lain termasuk Malaysia sendiri.

2.1 Ujian Minat Kerjaya

2.1.1 Tinjauan Kajian Luar Negara

Teori Pemilihan Kerjaya Holland telah memperkenalkan inventori dan ujian kerjaya. Teori tipologi dan ujian SDS serta VPI Holland mendapat perhatian dan sambutan daripada ramai pengkaji daripada pelbagai disiplin. Beberapa kajian oleh Prediger (1976,1981, 1982) Keeling dan Tuck (1976), Henry (1988), Holinger (1984) dan Siegfried (1981)[dalam Amla,1998)} menguji keesahan inventori jenis

personaliti Holland terutamanya SDS, telah menghasilkan perbezaan minat atau jenis-jenis personaliti antara kaum lelaki dan perempuan. Apa yang jelas dapatan daripada kajian-kajian itu menunjukkan bahawa kaum lelaki lebih tertumpu kepada minat atau jenis-jenis personaliti Realistik (R), Enterprising (E) dan Investigatif (I) manakala kaum perempuan pula lebih cenderung kepada minat atau jenis-jenis personaliti Sosial (S), Artistik (A) dan Konvensional (K).

Holland (1973 , 1985 a) menyatakan personaliti yang kongruens dengan persekitaran akan memberikan impak yang besar terhadap kepuasan kerja , kecemerlangan serta meningkatkan kestabilan kerjaya, sekaligus meningkatkan produktiviti serta menampilkkan gaya hidup dan kesihatan yang kukuh. Sebaliknya, jenis personaliti dan persekitaran yang tidak seimbang akan mengakibatkan ketidakpuasan kerja, tekanan kerja yang berat dan mengganggu kesihatan mental. Banyak masalah dalam kerjaya yang akan timbul sekiranya pemilihan kerjayanya tidak kongruen antara minat dan persekitaran kerja. Ini kerana berlakunya konflik dan ketidaksesuaian peranan dan tanggungjawab yang dipegang. Bermula awal tahun 1962, beliau telah menjalankan kajian terhadap dua buah kumpulan pelajar sekolah tinggi yang terdiri daripada kelompok pelajar yang cerdas. Kajian yang mengambil masa selama 2 tahun dengan menggunakan Vocational Preference Inventory (VPI). Dapatan yang diperolehi adalah positif kerana ciri-ciri tingkah laku adalah kongruens dan menyokong teorinya. Ciri -ciri yang positif jelas kelihatan pada tahap pencapaian akademik, aktiviti kokurikulum dan konsep kendiri serta pencapaian yang membanggakan dalam aktiviti bukan akademik.

Dapatan yang positif diperolehi daripada kajian ini, walaupun masih terdapat kekurangan, pertama, iaitu berlakunya pertindihan terhadap jenis-jenis personaliti. Keduanya, formulasi yang dibentuk oleh Holland masih kurang mampu atau belum cukup eksplisit dalam memanipulasi data yang banyak. Kekuatan yang ada daripada keputusan kajian ialah kebanyakan analisis yang dijalankan telah memberikan keputusan yang signifikan secara statistik. Lanjutan daripada inilah beliau meneruskan kajian demi kajian bagi mengatasi kelemahan tersebut.

Kajian kedua pada tahun 1963 menggunakan sampel seramai 592 orang serta menggunakan Strong Vocational Interest Blank (SVIB) dijalankan untuk mengukur personaliti pelajar. Dapatan yang diperolehi seakan-akan serupa dengan kajian yang terdahulu dan penggunaan SVIB mampu menghasilkan keputusan yang serupa dengan VPI. Namun masalah pertindihan antara jenis-jenis personaliti masih berlaku. Menerusi kajian-kajian yang selanjutnya itulah telah dapat mengukuhkan teorinya. Bersama Nichols, Holland (1964) menjalankan kajian ke atas pelajar cerdas seramai 513 (332 orang lelaki dan 181 orang perempuan) yang terdiri daripada pelajar lepasan sekolah tinggi. Kajian ini cuba mengukur minat, personaliti, penilaian diri, pencapaian akademik dan bakat. Penyelidikan ini menggunakan teknik pra dan posujian. Pengendalian ujian dikendalikan semula selepas mereka berada di kolej serta membandingkan prospek kerjaya mereka.

Kajian Holand selanjutnya telah dapat menunjukkan dengan jelas skor-skor mereka dan seiras antara personaliti dan persekitarannya. Keputusan yang diperolehi daripada kajian ini merupakan lanjutan kepada penemuan kajian

sebelumnya dengan mengemukakan sedikit perbezaan. Selain itu, keputusan yang diperolehi lebih stabil dan eksplisit. Dan keputusan statistik menunjukkan jenis personaliti adalah serupa dengan sikap dan peribadi seseorang.

Rumusannya, Holland telah membentuk alat-alat Vocational Preference Inventory (VPI) (Holland, 1958,1965, 1977), Self Directed Search (SDS) (Holland, 1970,1985) dan Self Directed Search - Form Easy (Holland ,1973) bagi mengukuhkan alat pengukuran minat kerjaya serta jenis-jenis personaliti. Skor-skor daripada VPI , SDS atau SDS-E dirumus dan disusun mengikut profil bagi membentuk kod tiga huruf (RIASEK) pola personaliti. Untuk memantapkan pemilihan kerjaya, individu itu perlu membuat padanan yang kongruens dan sesuai mengikut The Occupational Classification (Holland , 1972) Jobs Finder (Holland , 1974) atau The Occupations Finder (Holland , 1977, 1989)

Satu lagi kajian Holland (1977) yang telah menguji keserupaan pola minat kerjaya pekerja – pekerja mengikut bidang pekerjaan dengan pelajar-pelajar kolej mengikut bidang pengajian . Sampel kajiannya ialah terdiri daripada golongan profesional , iaitu ahli psikologi (ISA), (N=46), ahli teknologi perubatan (ISA), (N=45), kaunselor kerjaya (SEA), (N=113) dan pekerja bank (CRS), (N=53). Sampel kajian pelajar kolej yang terdiri daripada mahasiswa matematik (IRA), (N=147), biologi (ISR) (N=65), teknologi perubatan (ISA) (N=60), sosiologi (SIA), (N=176), kejururawatan (SIA) (N=76), pengurusan hotel dan restoren (ESK) (N=142).

Pengkaji menggunakan SDS dan VPI untuk mengukur pola minat kerjaya pekerja dan para mahasiswa ini, Indeks Zener - Schnulle digunakan untuk mengukur darjah persetujuan antara pola minat kerjaya dengan kerjaya yang diceburi atau bidang pengajian sampel. Hasil kajian menunjukkan 75% daripada sampel mempunyai minat kerjaya yang serupa dengan kod-kod pekerjaan atau bidang pengajian masing-masing. Sejumlah 58% daripada taburan pola minat kerjaya pekerja dan pelajar bidang teknologi perubatan adalah serupa dengan kod pekerjaan atau pengajian masing-masing, iaitu ISA, sementara 44% kaunselor kerjaya mempunyai jenis dan personaliti SEA yang sekaligus serupa dengan kod pekerjaan yang dilakukan oleh mereka. Daripada hasil kajian ini dapat dijelaskan bahawa keserasian pola minat kerjaya dengan bidang pengajian atau pekerjaan sampel sekali lagi dapat menyokong teori pemilihan kerjaya Holland.

Williams (1972) melaksanakan satu kajian terhadap mahasiswa ($N=145$) dari 18 buah jabatan di Universiti North Dakota, Amerika Syarikat. Pelajar-pelajar tersebut telah dikelompokkan mengikut 6 pola minat kerjaya dan jenis personaliti berdasarkan bidang pengajian yang sedang diikuti oleh mereka; Sosial ($N=29$) Konvensional ($N=24$), Enterprising ($N=24$), Artistik ($N=23$), Intelektual ($N=23$) dan Realistik ($N=21$). Dalam kajian tersebut pengkaji telah menggunakan alat kajian VPI, 16PF, Allport - Vernon- Lindsey Study of Values (AVL) dan Miller Occupational Values Indicator (OVI). Hasil perbandingan yang dijalankan antara pola minat kerjaya dengan jenis-jenis personaliti, didapati skor-skor yang diperolehi daripada VPI, AVL dan 16PF adalah kongruens serta tekal dan menyokong teori pemilihan kerjaya Holland.

Dapatan kajian yang telah diperolehi oleh Keeling dan Tuck (1980) telah menunjukkan bahawa sampel lelaki meunjukkan minat kerjaya dalam bidang Investigatif (I), Enterprising (E) dan Realistik (R), sementara sampel wanita menampilkan minat kerjaya dalam bidang Sosial (S) Artistik (A) dan Konvensional (K).

Tamarol (1984) menjalankan satu kajian tentang perhubungan antara pola personaliti, bidang pengajian utama dan tahap pencapaian akademik pelajar-pelajar tahun dua dan pelajar-pelajar tahun akhir yang membuat pengkhususan dalam bidang industri dan teknologi di Universiti East Texas State, Texas, Amerika Syarikat (N=116). Alat-alat kajian yang digunakan ialah SDS untuk mengukur jenis personaliti dan purata mata gred kumulatif (Cumulative Gred Point Average). Data yang dianalisis menggunakan khi-kuasa dua, Ujian -t dan Anova menunjukkan bahawa tiada hubungan yang signifikan antara jenis personaliti dengan pengajian serta tahap akademik pelajar-pelajar. Sebaliknya, terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian akademik dengan pola personaliti yang berbeza di kalangan pelajar-pelajar.

Erlianto (1982) menjalankan kajian ke atas pelajar-pelajar lelaki Indonesia (N=146) yang sedang menuntut di Amerika Syarikat. Kajiannya ialah berhubung dengan perkaitan antara pola personaliti dengan minat kerjaya mereka. Pengkaji menggunakan Self Directed Search (SDS) Holland terhadap sampel kajiannya dan data diproses dan dianalisis menggunakan khi-kuasa dua serta korelasi Pearson. Daripada kajian ini dapat diberikan tafsiran bahawa pola personaliti pelajar lelaki

Indonesia adalah kongruens dengan pemilihan kerjaya mereka. Didapati jenis-jenis personaliti dan minat kerjaya pelajar-pelajar tersebut kongruens dengan susunan model hexagon Holland.

Gade dan rakan-rakan (1988) telah menjalankan kajian untuk mengesan hubungan antara minat kerjaya dan kepuasan dalam pelajaran. Sampelnya terdiri daripada 596 orang pelajar di sekolah - sekolah tinggi di lapan buah sekolah di Kanada. Alat SDS digunakan dan keputusan daripada analisa varians menunjukkan pelajar yang mempunyai minat kerjaya dalam bidang Investigatif dan Sosial mendapat skor kepuasan pelajaran yang lebih tinggi daripada pelajar yang mempunyai minat kerjaya dalam bidang Realistik.

Oleh itu, satu gambaran yang agak terperinci bahawa hasil kajian awal Holland telah menyokong saranannya , iaitu apabila alat VPI ditadbirkan kepada pelajar, alat itu dapat mengkelaskan sampel kajian mengikut minat dan jenis personaliti mereka (Tuck & Keeling, 1980).

Amla (1998) telah menyenaraikan tentang kajian-kajian lalu yang menggunakan SDS Holland. Kajian-kajian ini telah banyak dilakukan bukan sahaja di Amerika Syarikat . (Arbana,1990 ; Arbona & Novy, 1991 ; Gade, Fuqua dan Hulbert , 1988 ; Hayes , 1985 ; dan ramai lagi) Di Australia Athanson ,1982 ; Naylor & Mount , 1986 ; Taylor dan Kelso , 1973) di Caribbean (Payne & Sabarache , 1985) Indonesia (Erlianto, 1982) Kanada (Drodge 1990) Malaysia (Amir , 1975 ; Amla , 1984 ; Amla & Subahan 1991). Kebanyakan penyelidikan ini menumpukan

penyelidikan pada pengujian kesahihan struktur faktor alat -alat Vocational Preference Inventory (VPI), Self Directed Search (SDS) dan Self Directed Search - Form Easy (SDS - E)

2.1.2 Kajian Tempatan

Kajian-kajian yang dijalankan kebanyakannya tertumpu pada pengujian alat-alat VPI (Amir,1975) dan SDS - E (Amla , 1984.1987);(Amla dan Subahan ,1991); (Dasimah, 1991) serta penjenisan personaliti dan minat kerjaya (Ang, 1982; Hasnah , 1988 ; Jamilah , 1987 ; Kua, 1988 ; Tan, 1989) . Di samping kajian seperti di atas ada terdapat ujian yang dijalankan untuk melihat keselarian antara minat kerjaya dengan bidang kursus (Othman , 1977; Ooi ,1987; Theresa, 1987) di kalangan pelajar-pelajar kolej dan universiti .

Amir Awang (1975) menjalankan kajian silang budaya di kalangan pelajar Gred 10 (N = 472) di Edmonton, Kanada dan pelajar tingkatan 4 (N = 613) di Pulau Pinang. Kajian ini dijalankan untuk melihat perbandingan tentang kesahan alat kajian Vocational Preference Inventory (VPI) dan Work Values Inventory (WVI) serta menguji model hexagon Holland. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti struktur faktor VPI dengan membuat perbandingan jawapan pelajar-pelajar dari Edmonton dan Pulau Pinang. Dapatan kajian menunjukkan bahawa alat VPI boleh digunakan dalam persekitaran budaya Malaysia.

Selanjutnya, Amla (1984) mengadaptasi dan menterjemah SDS Form E dan menguji struktur faktor alat tersebut terhadap penuntut-penuntut Malaysia yang sedang menuntut di Universiti Western Michigan dan Southern Illinois, Amerika Syarikat. Hasil kajian menunjukkan bahawa tiga faktor telah dikenal pasti, iaitu Faktor Artistik - Sosial - Enterprising, Faktor Investigatif - Enterprising, Faktor Realistik - Konvensional. Walaupun dapatan ini hanya menghasilkan faktor campuran dengan jumlah faktor yang kurang daripada enam (iaitu tiga). Namun pada umumnya ia dapat dianggap sebagai menyokong Teori Holland yang memberi andaian manusia terkelompok kepada jenis personaliti dan persekitaran kerjaya tertentu.

Amla (1987) menggunakan sampel tempatan dan menggunakan SDS – E versi bahasa Melayu menjalankan kajian dan memberikan tumpuan untuk melihat kesahan alat tersebut. Sampel kajiannya pula terdiri daripada 564 penuntut baru di Universiti Kebangsaan Malaysia. Analisa faktor dengan 'varimax rotation' telah digunakan untuk menghasilkan struktur mudah yang dianalogikan sebagai Realistik, Intelektual, Artistik, Sosial, Enterprising dan Konvensional. Hasil kajian menunjukkan penuntut Universiti Kebangsaan Malaysia menampilkan tiga faktor, iaitu Faktor Sosial - Enterprising, Faktor Artistik dan Faktor Intelektual - Realistik. Koefisien kebolehpercayaan bagi skala-skala dalam ketiga-tiga domain adalah antara 0.40 hingga 0.60. Pada umumnya, dapatan yang dihasilkan dapat dianggap sebagai konsisten dengan dapatan-dapatan kajian lain.

Kua Bee Hoon (1988) yang telah menjalankan kajian terhadap pelajar-pelajar Fizik, Universiti Kebangsaan Malaysia juga telah menggunakan SDS - E . Sampel kajiannya seramai 80 orang pelajar dan keputusan yang diperoleh menunjukkan bahawa pelajar-pelajar Fizik mempunyai minat kerjaya Intelektual yang tinggi. Tidak terdapat perbezaan minat kerjaya yang signifikan dari segi bangsa , jantina dan fakulti.

Seterusnya Amla dan Subhan (1991), menggunakan sampel yang lebih besar iaitu seramai 2335 orang penuntut baru Universiti Kebangsaan Malaysia sesi 1987/88 . Hasil dapatan menunjukkan bahawa pelajar-pelajar UKM dapat dikategorikan kepada empat jenis personaliti. Personaliti tersebut adalah Artistik, Realistik , Investigatif dan Enterprising - Konvensional. Apa yang jelas diperolehi ialah terdapat tiga faktor tunggal dan satu faktor campuran. Sementara itu, faktor Sosial pula tidak dikenal pasti. Walau bagaimanapun kajian tersebut dapat mengkelaskan dan mengkategorikan penjenisan personaliti berdasarkan teori Holland walaupun ada ketikanya susunan kategori tidak mengikut susunan model Heksagon Holland. Selain itu, perolehan dapatan faktor tunggal yang muncul jelas dan nyata berpunca daripada saiz sampel yang besar.

Hasnah ((1988) menjalankan kajian yang menggunakan alat Self Directed Search-Form E melalui sampel pelajar-pelajar Matematik (N=44) di Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Tujuan kajian adalah untuk mengukur minat kerjaya pelajar-pelajar tersebut. Data dianalisis menggunakan Ujian-t dan kiraan min. Hasil kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat minat kerjaya

Investigatif yang signifikan di kalangan pelajar-pelajar Matematik. Perbezaan minat kerjaya pelajar-pelajar matematik lelaki dan perempuan dapat ditemui pada empat skala, iaitu skala-skala Realistik (R), Investigatif (I), Sosial (S) dan Enterprising (E). Secara umumnya, dapatlah dikatakan bahawa wujud perbezaan dalam minat kerjaya di kalangan pelajar-pelajar yang menjadi sampel kajian ini.

Jamilah (1989) juga turut menggunakan SDS di kalangan pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah (Agama) Maahad Hamidiah, Kajang. Seramai 96 orang pelajar yang terdiri daripada 45 orang pelajar lelaki dan 51 orang pelajar perempuan telah dipilih sebagai sampel kajian. Alat kajian SDS ini menunjukkan bahawa pelajar boleh dikategorikan kepada RIASEK menurut Holland. Pembahagian yang ketara juga diperolehi pada skor yang diperolehi pada pelajar aliran sains yang menunjukkan minat yang tinggi pada personaliti Sosial - Investigatif sementara pelajar aliran Sastera pula menampilkan minat yang baik dalam Konvensional - Sosial. Bagi pelajar lelaki banyak memilih dan tergolong dalam minat kerjaya Realistik dan pelajar perempuan tergolong dalam minat kerjaya Konvensional. Secara keseluruhannya kajian ini mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi minat kerjaya antara pelajar aliran sains dan pelajar aliran sastera dan juga dari segi jantina.

Tan (1989) pula mengkaji kekongruenan personaliti individu pelajar - pelajar Kimia Fakulti Pendidikan dan Fakulti Sains dan Fizik Gunaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (N = 70). Data-data dianalisis menggunakan Ujian - t. Dapatan kajian jelas menunjukkan pelajar-pelajar Kimia mempunyai minat kerjaya dalam bidang Investigatif (I). Dapatan kajian terhadap pengasingan domain-domain skala SDS - E

dilakukan, dan didapati terdapat perbezaan yang signifikan pada skala-skala Realisti (R) antara pelajar-pelajar lelaki dan perempuan; Realistik (R) dan Sosial (S) antara pelajar bumiputera dan bukan bumiputera; Realistik (R) dan Konvensional (K) antara pelajar-pelajar Fakulti Pendidikan dan Fakulti sains dan Fizik Gunaan.

Dasimah (1991) juga turut menggunakan alat SDS - E yang telah diubah sua dan diterjemahkan oleh Amla (1984, 1987) terhadap pelajar-pelajar sekolah menengah di Selangor (N= 977). Analisis faktor diaplikasikan untuk menganalisis data-data. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam minat kerjaya antara lelaki dan perempuan. Sokongan terhadap teori pemilihan kerjaya Holland semakin kukuh kerana kajian ini berjaya menunjukkan yang alat SDS- E edisi Bahasa Melayu boleh digunakan ke atas pelajar-pelajar di Malaysia.

Kajian yang menggunakan alat SDS-E Holland jelas dapat mengkategorikan jenis personaliti serta minat seseorang dalam kerjaya tertentu. Bidang-bidang kerjaya yang dipilih ini pula dapat mewakili diri seseorang individu secara khusus. Dapatan kajian yang disenaraikan telah memberikan maklumat yang bermanfaat, oleh itu adalah wajar alat SDS-E ini digunakan untuk kajian ini.